

# → ULANG TAHUN UMNO

# Evolusi 1946-2016

BH  
11/5/2016  
mls 4-5



**Datuk Onn Jaafar**



**Tunku Abdul Rahman**



**Tun Abdul Razak Hussein**



**Tun Hussein Onn**

**1-4 MAC 1946**

**Himpunan Kongres Melayu Se-Malaya** yang pertama diatur Persatuan Melayu Selangor di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dan 41 pertubuhan Melayu menghantar wakil masing-masing. Datuk Onn Jaafar dari Persatuan Melayu Johor dipilih sebagai Pengerusi Kongres. Dalam himpunan itu, semua wakil pertubuhan berucap termasuk dua wakil kanak-kanak.



**13 MEI 1969**

**Pergaduhan kaum** di Kuala Lumpur membawa kepada pengisytiharan darurat dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai Tun Abdul Razak ditubuhkan untuk mentadbir negara.

**24 JANUARI 1971**

**Abdul Razak dipilih** sebagai Yang Dipertua UMNO baharu.

**14 JANUARI 1976**





**1 APRIL 1946**

**Kerajaan British** memperkenalkan Malayan Union. Orang Melayu dan pertubuhan Melayu membantah.

**11 MEI 1946**

**Kongres Melayu Se-Malaya** ketiga dan perhimpunan agung pertama Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR (UMNO) diadakan di Istana Johor Bahru. Piagam atau Perlembagaan (UMNO) diterima dan diluluskan peserta dan UMNO ditubuhkan secara rasmi.

**12 JUN 1950**

**Datuk Onn meletak jawatan** sebagai Yang Dipertua selepas cadangannya membuka keahlian UMNO kepada semua kaum ditolak. Beliau kemudian menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan seterusnya Parti Negara (1954), tetapi gagal meraih sokongan rakyat.

**26 OGOS 1951**


**Tunku Abdul Rahman** dipilih menjadi Yang Dipertua UMNO kedua selepas Datuk Onn melepaskan jawatan dengan mengalahkan Ahmad Fuad, manakala Tun Abdul Razak Hussein dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua. Tunku Abdul Rahman menukar slogan UMNO dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' dan memulakan kerjasama dengan MCA dan MIC untuk membentuk Parti Perikatan.

**23, 24 JANUARI 1971**

**Ketika Perhimpunan Agung UMNO** di Hotel Merlín, Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman mengundur diri sebagai Yang Dipertua UMNO dan Tun Abdul Razak Hussein dipilih sebagai pengganti.



**Abdul Razak meninggal dunia** di London akibat leukemia.



**2 OGOS 1973**

**Tun Hussein Onn dilantik pemangku Timbalan Presiden UMNO** berikutan kematian penyandang, Tun Dr Ismail Abdul Rahman.

**13 OGOS 1973**

**Tun Hussein dilantik** sebagai Timbalan Perdana Menteri.

**15 JANUARI 1976**

**Hussein menggantikan Abdul Razak** sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO.

**17 DISEMBER 1977**

**PAS keluar BN** kerana enggan sokong Rang Undang-undang untuk mengisytiharkan darurat di Kelantan.

**15 SEPTEMBER 1978**

**Hussein dipilih** menjadi Presiden UMNO

**15 MEI 1981**

**Hussein mengumumkan menarik diri** daripada bertanding jawatan Presiden UMNO.

**15 JULAI 1981**

**Hussein meletakkan jawatan** sebagai Pengerusi BN dan pada keesokannya, melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri.

# → ULANG TAHUN UMNO



Tun Dr Mahathir Mohamad



Tun Abdullah Ahmad Badawi



Datuk Seri Najib Razak



16 FEBRUARI 1988

**UMNO (Baru) ditubuhkan** menggantikan UMNO yang diharamkan.

4 NOVEMBER 1993

**Datuk Seri Anwar Ibrahim** dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO dan pada 1 Disember 1993 dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

11 MEI 2000

**Perhimpunan Agung UMNO 2000**, Abdullah dipilih Timbalan Presiden UMNO tanpa bertanding.

31 OKTOBER 2003

**Dilantik sebagai** Perdana Menteri ke-5 menggantikan Dr Mahathir.

23 SEPTEMBER 2004

**Perhimpunan Agung UMNO 2004** memilih Abdullah sebagai Presiden





JUN 1981

**Pada Perhimpunan Agung UMNO**, Dr Mahathir Mohamad dipilih Presiden UMNO tanpa bertanding dan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden.

29 FEBRUARI 1986

**Datuk Musa Hitam** (kini Tun) meletak jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

7 MEI 1986

**Tun Ghaffar Baba** dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

24 APRIL 1987

**Dr Mahathir kekal** Presiden UMNO menewaskan Tengku Razaleigh. Ghaffar menewaskan Musa bagi jawatan Timbalan Presiden.

4 FEBRUARI 1988

**Mahkamah Tinggi** mengisytiharkan UMNO sebagai pertubuhan tidak sah.

2 SEPTEMBER 1998


**Majlis Tertinggi memecat** Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kesalahan salah guna kuasa dan perlakuan sumbang.

22 JUN 2002

**Dr Mahathir umum berundur** sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

31 OKTOBER 2003

**Dr Mahathir meletakkan jawatan** sebagai Presiden UMNO, Perdana Menteri dan Bendahari UMNO.



UMNO dan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Presiden.

19 MEI 2008

**Dr Mahathir umum** keluar UMNO kerana tidak yakin dengan Abdullah.

2 APRIL 2009

**Abdullah meletak** jawatan sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Najib Razak dilantik sebagai pengganti.



28 MAC 2009

**Najib dipilih** Presiden UMNO, manakala Tan Sri Muhyiddin Yassin menang jawatan Timbalan Presiden.

3 APRIL 2009

**Dilantik sebagai** Perdana Menteri keenam.

9 APRIL 2009

**Tan Sri Muhyiddin** dilantik Timbalan Perdana Menteri.

28 JULAI 2015

**Muhyiddin digugurkan** sebagai

Timbalan Perdana Menteri dan digantikan oleh Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

26 FEBRUARI 2016

**Muhyiddin digantung** daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO.

30 MAC 2016

**Dr Mahathir umum** keluar UMNO kali kedua.

11 MEI 2016

**UMNO menyambut** ulang tahun ke-70.